

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 28/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 45

Tajuk : Skim Infaq Lil-Waqf kumpul RM13.5 juta

Skim Infaq Lil-Waqf kumpul RM13.5 juta

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

utusan@utusan.com.my

■ TEMERLOH 27 MEI

SKIM Infaq Lil-Waqf yang diuruskan secara profesional oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berjaya mengutip sebanyak RM13.5 juta hasil sumbangan ahlinya dan orang ramai sehingga hujung tahun lalu.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, skim itu ditubuhkan pada 2010 bagi menggalakkan ahli koperasi dan masyarakat menyumbang dalam bentuk wakaf.

"Daripada jumlah sumbangan yang diterima, sebanyak RM5.1 juta digunakan untuk menubuhkan Pusat Jagaan Darul Sakinah, sumbangan 23 mesin hemodialisis kepada hospital awam, Yayasan Buah Pinggang Malaysia, koperasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Selain itu, wang wakaf ini digunakan untuk membiayai kos rawatan pesakit buah pinggang, dana kepada koperasi kariah masjid terpilih, membeli bangunan perniagaan, sumbangan telaga moden di Kemboja



"Kami komited memberi kesedaran dan galakan kepada masyarakat Islam dalam amalan berwakaf melalui program yang dirancang untuk meningkatkan sosioekonomi mereka."

ABDUL FATTAH

dan sumbangan 300 naskhah al-Quran terjemahan bahasa Khmer," katanya selepas majlis sumbangan kepada anak yatim

dan ibu tunggal serta berbuka puasa Angkasa Pahang Zon 2 di Masjid Kampung Raja, Songsang di sini, semalam.

Menurut Abdul Fattah, matlamat asas ibadah wakaf adalah menjadikan aset wakaf bermanfaat dan produktif sekali gus ke arah aktiviti pelaburan terhadap aset berkenaan untuk mendapat pulangan.

Kata beliau, usaha Angkasa itu secara langsung dapat membantu pihak berkaitan dalam menangani masalah aset wakaf terbiar yang memerlukan dana tinggi.

"Kami komited memberi kesedaran dan galakan kepada masyarakat Islam dalam amalan berwakaf melalui program yang dirancang untuk meningkatkan sosioekonomi mereka," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, bagi menambah aset, Angkasa akan membeli tiga bangunan perniagaan melalui konsep wakaf di Kuala Lipis bernilai RM1.3 juta, Putrajaya (RM2.3 juta) dan Pulau Pinang bernilai RM1 juta.

"Ini adalah pendekatan strategik membantu umat Islam bersaing dalam perniagaan dan pengeluaran produk halal yang kebanyakannya dimonopoli bukan Islam," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA